

Perangsang Selangor bentuk bakat boling OKU



Pemain boling OKU gembira menyertai klinik boling anjuran Perangsang Selangor.

BANGI - Seramai 38 peserta Orang Kelainan Upaya (OKU) telah menyertai klinik boling Sukan Untuk Semua di bawah program Rangsangan Sukan Selangor anjuran Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) di Ampang Superbowl, Bangi Gateway Mall, Bangi.

Menurut Pengarah Bersekutu, Perhubungan Awam, Media dan Tanggungjawab Sosial Korporat, Mohd Fauzi Mohd Ghazali, program tanggungjawab sosial korporat tersebut diatur bagi memberi peluang kepada semua

golongan masyarakat di negeri itu terutama golongan terpinggir mempelajari ilmu serta menggalakkan mereka mencebur ke dalam sukan.

"Penyertaan kali ini melibatkan 26 peserta lelaki dan 12 wanita daripada Kelab Tenpin Boling Para Bersatu bertujuan mendedahkan mereka kepada asas permainan di samping mencungkil bakat-bakat baharu dalam kalangan OKU," ujarnya.

Jelasnya lagi, Perangsang Selangor telah melantik JAB Bowling Academy untuk melaksanakan sebanyak

18 program seumpamanya pada tahun ini dengan menyasarkan penglibatan seramai 972 peserta dari seluruh Selangor.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Selangor, Musyrifah Elias, pula berkata, usaha Perangsang Selangor untuk memartabatkan golongan terpinggir dalam bidang sukan harus dipuji kerana di atas pencapaian mereka sejak kebelakangan ini ternyata atlet-atlet OKU juga mampu mengharumkan negara di temasya sukan antarabangsa.